



مجلس فویندارن سلايڠ
Majlis Perbandaran Selayang

**PERATURAN PERTANDINGAN
FUTSAL LELAKI (BAWAH 12 TAHUN)
KARNIVAL 3W (WELLNESS, WELFARE AND WOMEN)
PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

- Tarikh** : 6 Julai 2019 (Sabtu)
Tempat : Padang Awam Batu Caves
Masa : 7.00 pg – 3.00 ptg
- Semua pertandingan hendaklah mengikut undang-undang pertandingan Futsal yang digunapakai semasa sebagaimana yang diperuntukkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Futsal Lelaki (Bawah 12 Tahun) Karnival 3W Peringkat Majlis Perbandaran Selayang.
- Terbuka kepada kanak-kanak lelaki bawah 12 tahun (lahir pada tahun 2007 dan selepas) dan merupakan warganegara Malaysia. Pasukan yang mendaftarkan pemain melebihi had umur akan **DIBATALKAN** penyertaannya serta-merta.
- Setiap pasukan hanya dibenarkan bagi mendaftar **seorang Pengurus, seorang Jurulatih dan 8 orang pemain sahaja**. Mana-mana permastautin juga dibenarkan untuk menyertai kejohanan ini.
- Pendaftaran adalah melalui borang yang telah dikeluarkan oleh pihak Penganjur dan penyertaan adalah **PERCUMA**.
- Pendaftaran pasukan masih dibuka sehingga kuota sebanyak 16 pasukan mencukupi dan **tarikh tutup penyertaan adalah pada 3 Julai 2019 (Rabu)**. Undian kumpulan akan dijalankan oleh pihak Penganjur.
- Semua pemain **DIWAJIBKAN** membawa salinan sijil lahir atau mykid (bagi kategori bawah 12 tahun) dan ditunjukkan kepada pihak penganjur sekiranya diminta.
- Semua pemain diwajibkan memakai **stokin** dan pelindung **tulang kering “shin guard”**. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan pasukan tidak dapat meneruskan perlawanan tersebut.

9. Jawatankuasa Teknikal mempunyai **KUASA MUTLAK** untuk mengumumkan satu-satu keputusan berdasarkan peraturan dan undang – undang sedia ada di venue kejohanan.
10. Setiap pasukan digalakkan menyediakan set jersi yang bernombor.
11. Sistem bagi kejohanan ini adalah seperti berikut :-
 - 11.1 Sistem kiraan mata bagi menentukan pemenang kumpulan adalah seperti berikut:

Menang	-	3 mata
Seri	-	1 mata
Kalah	-	0 mata
 - 11.2 Sekiranya setelah semua perlawanan liga selesai, 2 pasukan atau lebih didapati memperolehi jumlah mata yang sama, maka susunan penentuan berikut akan dikira :-
 - 11.2.1 Perbezaan gol terbanyak;
 - 11.2.2 Jaringan gol terbanyak;
 - 11.2.3 Bolos terendah;
 - 11.2.4 Keputusan perlawanan terdahulu antara kedua pasukan;
 - 11.2.5 Jika keputusan masih seri maka Jawatankuasa Pertandingan dan Teknikal akan menentukan keputusan dan keputusan Jawatankuasa adalah muktamad.
 - 11.3 Saingan awal perlawanan adalah mengikut format liga empat (4) pasukan (1) kumpulan dan jumlah kumpulan adalah sebanyak empat (4) kumpulan. Dua (2) pasukan teratas setiap kumpulan akan layak ke pusingan kedua dan pusingan kedua akan dijalankan secara kalah singkir.
 - 11.4 Masa perlawanan adalah seperti berikut :-
 - 11.4.1 Peringkat kumpulan (5 minit + 1 + 5 minit).
 - 11.4.2 Peringkat suku akhir dan separuh (5 minit + 1 + 5 minit).
 - 11.4.3 Peringkat Akhir (5 minit + 1 + 5 minit)

Sebarang pindaan masa perlawanan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa berdasarkan tempoh masa yang diperuntukkan.

- 11.5 Pasukan berhak meminta satu perhentian masa (time out) selama 1 minit di tiap-tiap separuh masa dengan peraturan berikut :-
 - 11.5.1 Permintaan boleh dibuat pada bila-bila masa (satu di setiap separuh masa) tetapi hanya boleh berbuat demikian apabila bola di bawah kawalan pasukannya.
- 11.6 Untuk peringkat suku akhir dan seterusnya, sekiranya perlawanan berkesudahan dengan keputusan seri, kaedah di bawah akan dijalankan :-
 - 11.6.1 3 tendangan penalti setiap pasukan akan diadakan. Sekiranya masih seri;
 - 11.6.2 Satu sepakan penentuan kemenangan akan dibuat selepas undian penentuan pasukan yang menendang atau menjaga gol dibuat. Sekiranya pasukan yang membuat tendangan berjaya menjaringkan gol, pasukan tersebut akan dikira sebagai pemenang dan jika penjaga gol berjaya menghalang tendangan, pasukan penjaga gol berkenaan akan dikira sebagai pemenang.
- 11.7 Pemain yang menerima dua (2) kad kuning di dalam pertandingan ini secara automatik akan digantung satu perlawanan berikutnya.
- 11.8 Pemain yang menerima kad merah akan dikenakan perintah buang padang dan tidak dibenarkan bermain untuk dua (2) perlawanan berikutnya dan penyertaan pemain tersebut seterusnya dalam pertandingan ini akan diputuskan oleh Lembaga Tatatertib acara Futsal.
 - 11.9 Pemain yang menerima dua (2) kad kuning dan diikuti dengan kad merah dalam satu perlawanan secara automatik akan digantung satu perlawanan berikutnya.
- 12. Semua pasukan yang ingin membuat pertukaran pemain perlulah mematuhi syarat-syarat berikut :-
 - 12.1 Sebelum pertandingan dimulakan, Pengurus Pasukan hendaklah mengemukakan senarai nama pemain kepada pengadil pertandingan di dalam borang yang disediakan.
- 13. Bagi mana-mana pasukan yang sengaja menarik diri dan menyerah kalah akan dikenakan tindakan berikut :-
 - 13.1 Akan **DIBATALKAN** penyertaannya serta merta.

- 13.2 Pasukan yang menang akan diberi mata kemenangan tiga mata dengan jaringan (3-0).
14. Sebarang bantahan daripada mana-mana pasukan hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan secara bertulis satu (1) jam selepas perlawanan tersebut tamat. Bantahan selepas tempoh tersebut tidak akan dilayan.
15. **BANTAHAN** mestilah menggunakan borang rasmi yang disediakan oleh pihak Penganjur dengan bayaran deposit sebanyak **RM 100 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Sahaja)** tidak lewat dari 15 minit selepas perlawanan. Deposit **TIDAK DIKEMBALIKAN** samada bantahan diterima atau ditolak.
16. Venue kejohanan, bola futsal dan bip akan disediakan oleh pihak Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.
17. Jawatankuasa Pengelola, Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan dan Pegawai-Pegawai yang dilantik oleh mereka tidak bertanggungjawab atas sebarang kecederaan, kematian dan kehilangan harta benda yang mungkin berlaku kepada mana-mana peserta dan pegawai semasa berlangsungnya Pertandingan Futsal Lelaki (Bawah 12 Tahun) Karnival 3W Peringkat Majlis Perbandaran Selayang termasuk juga semasa perjalanan dari rumah / tempat pertandingan / rumah.
18. **PEMAIN PERLU MENDAPATKAN PERSETUJUAN BERTULIS DARIPADA IBU BAPA ATAU PENJAGA SAH SEBELUM MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PERTANDINGAN INI.** Sekiranya tiada persetujuan bertulis diterima oleh pihak Urusetia daripada pemain, pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang perkara yang tidak diingini berlaku. Pengurus pasukan / Jurulatih bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pemain-pemain tersebut.
19. 21. Hadiah-hadiah bagi pertandingan ini adalah seperti berikut :-
- | | | | |
|-------------|--------------------|----------|----------------------------------|
| 21.1 | Johan | : | RM 500.00 + Medal + Trofi |
| 21.2 | Naib Johan | : | RM 250.00 + Medal |
| 21.3 | Tempat Ke-3 | : | RM 150.00 + Medal |
| 21.4 | Tempat Ke-4 | : | RM 100.00 + Medal |



FL (B12)

**Borang Penyertaan
Pertandingan Futsal Lelaki (Bawah 12 Tahun)
Karnival 3W (Wellness, Welfare And Women)
Peringkat Majlis Perbandaran Selayang**

ACARA SUKAN	FUTSAL LELAKI (BAWAH 12 TAHUN)
NAMA PASUKAN	
NAMA PENGURUS PASUKAN	
NAMA JURULATIH	
NO. TELEFON	

BIL	NAMA PEMAIN	NO. MYKID / MYKAD
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
SIMPANAN		
6.		
7.		
8.		

DISAHKAN OLEH PENGURUS PASUKAN

.....
Tandatangan Pengurus
Nama :
Tarikh :

PERKARA

**** Sebarang perubahan tarikh dan maklumat berkaitan pertandingan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.**

Pihak urusetia yang boleh dihubungi :-

NAMA URUSETIA 1 : EN. AHMAD RIZAL BIN ABD YAZID
JABATAN : PEMBANGUNAN MASYARAKAT
NO. TEL (H/P) : 012 – 980 7343
NO. TEL (P) : 03 – 6126 5811
NO. FAKS : 03 – 6137 8334
EMEL : apak9147@gmail.com

NAMA URUSETIA 2 : PN. NORASWALZIHA BINTI IBRAHIM
JABATAN : PEMBANGUNAN MASYARAKAT
NO. TEL (P) : 03 – 6126 5810
NO. FAKS : 03 – 6137 8334
EMEL : ashuneyb@gmail.com